

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI MELAKA
DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA
GUAMAN SIVIL NO: A51-02-01 TAHUN 2015-S2**

5

ANTARA

**1. MOHD DESA BIN AHMAD
(NO. K/P: 771028-04-5397)**

**2. ELIZA BINTI IBRAHIM
(NO. K/P: 840114-04-5314)**

10

...PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

**1. HAZUDIN BIN HASHIM
(didakwa di atas kapasiti sebagai
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN JASIN)**

15

**2. MAJLIS PERBANDARAN JASIN
3. KERAJAAN NEGERI MELAKA**

...DEFENDAN-DEFENDAN

20

**KORUM: TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI MAT
HAKIM
MAHKAMAH SESYEN 2
MELAKA**

TARIKH: 5HB. JUN 2015

25

**KEPUTUSAN LAMPIRAN 14, 16 DAN 18
(ATURAN 18 KAEDAH 19(1) DAN ATURAN 92 KAEDAH 4
KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012)**

PERMULAAN

1. Ada 3 permohonan yang difailkan oleh ketiga-tiga Defendan secara berasingan iaitu:

5

(a) **Kandungan 14** difailkan oleh Defendan Pertama untuk membatalkan Writ dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif (Writ) di bawah **Aturan 18 Kaedah 19(1)(a), (b), (c) dan (d)** serta **Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** (KKM 2012).

10

(b) **Kandungan 16** difailkan oleh Defendan Kedua untuk membatalkan Writ dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif (Writ) di bawah **Aturan 18 Kaedah 19(1)(a), (b), (c) dan (d)** serta **Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** (KKM 2012).

15

(c) **Kandungan 18** difailkan oleh Defendan Pertama untuk membatalkan Writ dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif (Writ) di bawah **Aturan 18 Kaedah 19(1)(a), (b) dan (d)** serta **Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** (KKM 2012).

20

2. Ketiga-tiga permohonan tersebut dibicarakan secara serentak.

25

3. Pada 5.6.2015, saya memutuskan bahawa ketiga-tiga permohonan tersebut dibenarkan dengan kos RM10,000 masing-masing berdasarkan kepada alasan-alasan berikut.

5 RINGKASAN KES PLAINTIF

4. Plaintiff-Plaintif ialah pasangan suami isteri yang tinggal di alamat JB 4725, Lorong 9, Taman Seri Asahan, 77100 Asahan, Melaka (premis tersebut).

10

5. Premis tersebut berdaftar atas nama Zubaidah binti Ramli yang merupakan sepupu kepada Plaintiff Pertama.

15

6. Zubaidah binti Ramli telah memberi kebenaran kepada Plaintiff-Plaintif untuk tinggal di premis tersebut sejak tahun 2010 sehingga sekarang.

20

7. Plaintiff Pertama ialah seorang ahli perniagaan dan mempunyai lesen kontraktor kelas D. Di samping itu, beliau juga menternak dan menjual lembu.

25

8. Plaintiff Kedua ialah seorang suri rumah tangga dan aktif dalam aktiviti kaum ibu di sekitar kawasan perumahan tempat mereka tinggal.

9. Defendan Pertama ialah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Jasin, Defendan Kedua ialah Majlis Perbandaran Jasin, manakala Defendan Ketiga ialah Kerajaan Negeri Melaka.
- 5 10. Pada 12.11.2014, lebih kurang pukul 9.30 pagi, Plaintiff-Plaintif mendakwa bahawa beberapa orang pegawai dan/atau pengkhidmat dan/atau ejen Defendan Pertama dan Defendan Kedua yang dikenali sebagai Rossidah, Ruzadatul Safrina, Jamani, Sarina dan Juraidah (pegawai-pegawai tersebut) telah
- 10 membuat operasi menyita barang-barang kepunyaan penduduk di kawasan tempat tinggal Plaintiff-Plaintif kerana tidak membayar cukai taksiran tahun 2014.
11. Pegawai-pegawai tersebut yang ketika itu memakai uniform dan
- 15 vest berlogo Defendan Kedua telah memperkenalkan diri kepada Defendan Kedua dan memberitahu bahawa premis tersebut mempunyai tunggakan cukai taksiran sebanyak RM239.
- 20 12. Pegawai-pegawai tersebut juga memaklumkan bahawa Plaintiff-Plaintif dikehendaki membuat bayaran tersebut pada waktu itu juga bagi mengelakkan premis tersebut disita.
- 25 13. Plaintiff Kedua kemudiannya membuat bayaran tersebut secara tunai sebanyak RM239 sebagaimana yang diminta dan satu resit rasmi dikeluarkan atas nama Zubaidah binti Ramli.

14. Selepas menerima bayaran tersebut, kesemua pegawai tersebut telah beredar dari premis tersebut. Plaintiff Kedua memaklumkan apa yang telah terjadi kepada suaminya, Plaintiff Pertama.

5

15. Pada 13.11.2014, lebih kurang pukul 10.00 pagi, Plaintiff Kedua telah dikejutkan oleh jirannya bernama Dalilah binti Daud yang bertanyakan mengapa premis tersebut disita.

10 16. Plaintiff Kedua menerangkan bahawa premis tersebut tidak disita kerana bayaran cukai taksiran telah dibayar sepenuhnya oleh Plaintiff Kedua kepada Defendan Pertama.

15 17. Plaintiff Kedua bertanya kepada Dalilah dari mana beliau mengetahui berita yang premis tersebut telah disita. Dalilah memberitahu Plaintiff Kedua bahawa beliau melihat gambar sitaan premis tersebut dalam halaman facebook Majlis Perbandaran Jasin yang memaparkan gambar Plaintiff Kedua sedang mendukung anak di bawah tajuk "Operasi Sita Di
20 Taman Seri Asahan, Jasin".

25 18. Plaintiff Kedua meneliti gambar-gambar yang dimuat naik tersebut dan mendapati gambar-gambar premis yang disita adalah termasuk premis Plaintiff-Plaintif kerana gambar Plaintiff Kedua sedang mendukung anak di bahagian dalam premis tersebut juga turut dipaparkan.

19. Puan Dalilah juga memberitahu Plaintiff Kedua bahawa berita premis tersebut telah disita oleh Defendan Pertama telah tersebar luas dan menjadi '*viral*' kerana laman "*facebook*" boleh diakses oleh orang awam tanpa had.

5

20. Plaintiff Pertama pula mendakwa mengetahui mengenai penyebaran berita palsu bahawa premis tersebut disita melalui kakak Plaintiff Pertama sendiri yang bernama Fauziah binti Ahmad.

10

21. Fauziah binti Ahmad memaklumkan kepada Plaintiff Pertama bahawa beliau mengetahui mengenai berita tersebut daripada kawan-kawannya yang telah membaca dan melihat gambar-gambar sitaan tersebut di laman *facebook* "Majlis Perbandaran Jasin" di bawah tajuk "Operasi Sita Di Taman Seri Asahan, Jasin".

15

22. Fauziah binti Ahmad telah menyimpan "*screenshot*" gambar-gambar sitaan tersebut sebagai bahan bukti untuk ditunjukkan kepada Plaintiff-Plaintif.

20

25

23. 5 Plaintiff Pertama merasa sangat kecewa dan kesal apabila ditegur oleh beberapa orang pelanggannya serta rakan-rakan perniagaannya yang bertanya mengenai hal sitaan premis tersebut memandangkan mereka dapat mengecam gambar premis tersebut dan Plaintiff Kedua yang sedang mendukung anak mereka di laman *facebook* Defendan Pertama.
24. 10 Plaintiff Kedua juga telah beberapa kali ditegur mengenai premis tersebut disita oleh beberapa orang rakannya semasa hadir ke majlis anjuran sekolah anaknya.
25. 15 Akibat daripada penyebaran gambar-gambar tersebut oleh Defendan Pertama dan Defendan Kedua, Plaintiff-Plaintif telah mengalami kecederaan yang parah dari segi reputasi, dan mengalami penderitaan mental, maruah tercemar dan sentiasa runsing dan rendah diri di kalangan penduduk.
26. 20 Plaintiff-Plaintif telah tersinggung dan terpaksa menanggung malu yang serius, taraf dan/atau kebolehpercayaan Plaintiff-Plaintif telah jatuh dalam pemikiran wajar orang-orang yang mengenali Plaintiff-Plaintif termasuk juga orang-orang awam yang telah melihat gambar-gambar tersebut.

25

27. Tindakan Defendan Pertama tersebut juga telah menjejaskan kebolehpercayaan orang ramai terhadap Plaintiff Pertama, kewibawaan dan reputasinya sebagai seorang peniaga lembu dan kontraktor yang dikenali ramai.

5

SKOP PEMAKAIAN ATURAN 18 KAEDAH 19 KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012

28. Skop pemakaian prosedur **Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** ini telah diperkatakan dan diperjelaskan dalam banyak kes. Memadai di sini untuk merujuk kepada kes Mahkamah Agong dalam ***Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd*** [1993] 3 MLJ 36, yang telah memutuskan di muka surat 43 seperti yang berikut:

15

20

25

The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19 (1) of the RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule (per Lindley MR in *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd*), and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it 'obviously unsustainable' (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Rly Co*). It cannot be exercised

by a minute examination of the documents and facts of the case, in order to see whether the party has a cause of action or a defence (see *Wenlock v Moloney & Ors*). The authorities further show that if there is a point of law which requires serious discussion, an objection should be taken on the pleadings and the point set down for argument under O 33 r 3 (which is in pari materia with our O 33 r 2 of the RHC) (see *Hubbuck & Sons Ltd v Wilkinson, Heywood & Clark Ltd*). The court must be satisfied that there is no reasonable cause of action or that the claims are frivolous or vexatious or that the defences raised are not arguable.

29. Seperti kes-kes lain, pihak-pihak yang terlibat dalam satu kes saman fitnah juga boleh memohon kepada Mahkamah untuk membatalkan pliding pihak yang satu lagi sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya. Oleh kerana kesan daripada permohonan ini adalah begitu drastik, Mahkamah biasanya tidak akan membenarkan permohonan sebegini kecuali dapat ditunjukkan bahawa pliding yang dibantah itu tidak menunjukkan apa-apa isu atau kes untuk dibicarakan.¹

¹ *Times Publishing Bhd & Ors v S Sivasdas* [1984-1985] SLR 709; *Lee Kuan Yew v Devan Nair* [1990] 3 MLJ 452, [1990] SLR 779; *Tengku Jaffar bin Teng Ahmad v Karpal Singh* [1993] 3 MLJ 156; *Tan Sri Dato Paduka (Dr) Ting Pek Khing v Hui Chang Pee @ Hu Chang Pee* [2000] MLJU 209; *Doree Industries (M) Sdn Bhd & Ors v Sri Ram & Co (sued as a Firm) & Ors* [2001] 6 MLJ 532; *Syed Farouk Azlan bin Syed Abdul Aziz v Putrajaya Holdings Sdn Bhd & Anor* [2003] MLJU 151.

30. Dalam kes ***Datuk Samy Vellu v Karpal Singh*** [1989] 3 MLJ 493, tindakan Plaintiff telah ditolak atas dasar kelewatan yang melampau kerana Plaintiff mengambil masa selama 6 tahun untuk mendakwa kes itu. Mahkamah memutuskan bahawa tempoh masa yang terlalu lama tersebut menyebabkan dakwaan fitnah tersebut berlegar-legar atas kepala Defendan yang menyebabkan prejudis ke atas Defendan.
31. Dalam kes ***Gabriel Peter & Partners (suing as a firm) v Wee Chong Jin & Ors*** [1998] 1 SLR 374, Mahkamah Rayuan menolak permohonan untuk membatalkan penyataan tuntutan Plaintiff kerana mereka berpendapat terdapat kausa tindakan yang munasabah telah ditunjukkan.
32. Dalam kes ***Bank of China v Asiaweek Ltd*** [1991] 2 MLJ 505, [1991] SLR 486, Mahkamah membatalkan keseluruhan penyata pembelaan Defendan apabila hakim berpuas hati bahawa perkataan yang digunakan adalah merupakan suatu fitnah yang jelas.²

20

25

² Lihat juga ***Ramaiah Naragatha Vally & Ors v Singapore Press Holdings Ltd & Anor*** [1996] 2 SLR 497 di mana penyata tuntutan ke atas Defendan Kedua dibatalkan kerana tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan terhadap Defendan Kedua.

HUJAHAN PIHAK-PIHAK

33. Pihak-pihak telah memfailkan penghujahan bertulis masing-masing. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi di sini.

5

34. Secara ringkasnya, Plaintiff-Plaintif berhujah bahawa mereka mempunyai isu-isu yang perlu dibicarakan, manakala Defendan-Defendan berhujah bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff wajar dibatalkan di bawah **Aturan 18 Kaedah 19(1)** dan **Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**.

10

35. Saya telah mengkaji dan meneliti penghujahan kesemua pihak dan nas-nas yang dikemukakan.

15

KEPUTUSAN LAMPIRAN 14, 16 DAN 18

36. Setelah membaca permohonan Defendan-Defendan dalam Lampiran 14, 16 dan 18, pliding, affidavit-afidavit yang difailkan serta penghujahan kedua-dua pihak, saya memutuskan bahawa permohonan Defendan-Defendan ini wajar dibenarkan dengan kos RM10,000³ berdasarkan kepada alasan-alasan yang akan dibincangkan di bawah ini.

25

³ Aturan 59 Kaedah 22(1)(c) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

ALASAN-ALASAN MEMBENARKAN PERMOHONAN

37. Permohonan Defendan-Defendan melalui Kandungan 14, 16 dan 18 ialah untuk membatalkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintif-Plaintif di bawah **Aturan 18 Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012** dan/atau **Aturan 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**.

38. Oleh yang demikian, pada peringkat ini, pihak Defendan-Defendan perlu menunjukkan kepada Mahkamah bahawa Writ dan Pernyataan Tuntutan tersebut tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh atau menyusahkan, menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan ini dengan adil atau suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

ASAS KAUSA TINDAKAN PLAINTIF

39. Asas kausa tindakan Plaintif ialah suatu fitnah di mana gambar-gambar premis Plaintif-Plaintif yang dikatakan telah dimuat naik oleh pegawai, pengkhidmat dan/atau ejen Defendan Pertama dan Defendan Kedua dalam halaman *facebook* "Majlis Perbandaran Jasin"⁴ milik Defendan Kedua yang bertajuk "Operasi Sita Di Taman Seri Asahan, Jasin".

⁴ (<https://www.facebook.com/majlis.perbandaranjasin>)

40. Dalam gambar-gambar tersebut, terdapat gambar Plaintiff Kedua yang sedang mendukung anak.

5 41. Plaintiff-Plaintif mendakwa bahawa dengan penyiaran gambar-gambar tersebut Defendan-Defendan telah melakukan fitnah kerana gambar-gambar tersebut menunjukkan seolah-olah premis Plaintiff-Plaintif tersebut telah disita, sedangkan perkara itu tidak berlaku kerana bayaran cukai taksiran 2014 telah dibayar sepenuhnya semasa operasi sitaan tersebut dilakukan dan premis Plaintiff-Plaintif tersebut tidak disita.

10

42. Dalam penghakiman ini, saya tidak akan menyentuh tentang merit kes. Saya hanya akan membincangkan tentang pliding khususnya pernyataan tuntutan Plaintiff.

15

FITNAH MELALUI INTERNET

43. Dalam kes ini, penerbitan perkataan fitnah dibuat melalui internet. Dalam buku **Evans On Defamation In Singapore And Malaysia**⁵ di halaman 66 penulis menulis seperti berikut:

20

PUBLICATION ON THE INTERNET

25 Publication of defamatory material on the internet occurs when the material is accessed and read. The place of publication is where the defamatory material is downloaded. The same would apply to blogs and

⁵ Third Edition, LexisNexis, 2008.

5 comments on forums. It is noteworthy that the potential for publication of defamatory material on the internet is technically worldwide as it is available for viewing by anyone on the world wide web. As addressed in Chapter 12, extent of publication can increase the quantum of damages awarded, so it is suggested that one way to reduce the extent of possible liability would be to prove that the number of hits on the offending article or comment in question was low.

10

A person or company creating and uploading content onto the world wide web is liable if it contains defamatory material. However, an Internet Service Provider ('ISP') which merely provides network access generally has no part to play in the contents which may pass through its system.

15

44. Di halaman 69-70, penulis menyatakan bahawa individu asal yang mengeluarkan pernyataan fitnah itu adalah bertanggungjawab ke atas fitnah tersebut, tetapi sekiranya terdapat pihak yang lain yang meluluskannya, pihak tersebut juga boleh dipertanggungjawabkan melalui tindakan yang berasingan.

25

SEPARATE CAUSES OF ACTION AGAINST EACH PUBLICATION PARTICIPANT

5 The originator of the defamatory words is liable for the
defamation. However each person who participated in,
authorized or approved of the original publication is
also liable under separate causes of action. For
10 example, a journalist may have written the article
containing the defamatory words, but the editor who
approved it, the owner of the newspaper in which the
article was published and the printers who printed it
can all be sued by the Plaintiff. Further, publication of
15 the same article electronically on the newspaper's
website gives rise to yet another separate cause of
action. Whether individual directors can be liable for
defamatory statement contained in a board resolution
is an open issue.

20 45. Berdasarkan kepada petikan di atas, yang berdasarkan kepada
keputusan kes-kes Mahkamah terdahulu, untuk berjaya dalam
tindakan ini, Plaintiff-Plaintiff perlulah menamakan individu yang
telah memuat naik gambar-gambar berbaur fitnah tersebut ke
laman facebook Defendan Kedua.

25

46. Sekiranya terdapat pihak lain yang terlibat dalam meluluskan tindakan individu yang memuat naik gambar-gambar berbau fitnah tersebut ke laman *facebook* Defendan Kedua, pihak tersebut juga boleh disaman melalui kausa tindakan yang berasingan.

5

47. Dalam kes, berdasarkan kepada pernyataan tuntutan Plaintiff-Plaintif, jelas menunjukkan bahawa gambar-gambar yang dikatakan fitnah itu bukan dimuat naik oleh Defendan Pertama, Defendan Kedua atau Defendan Ketiga.

10

48. Dalam pernyataan tuntutanannya, khususnya, perenggan 24, Plaintiff-Plaintif memplidkan bahawa gambar-gambar yang dikatakan fitnah tersebut telah dimuat naik ke laman *facebook* Defendan Kedua oleh pegawai, pengkhidmat dan/atau ejen Defendan Pertama dan Defendan Kedua. Siapakah individu yang memuat naik gambar-gambar tersebut tidak dinyatakan secara spesifik.

15

20

49. Defendan Pertama dalam afidavit sokongannya jelas menafikan bahawa beliau telah memuat naik gambar-gambar tersebut ke laman *facebook* Defendan Kedua. Oleh yang demikian, Defendan Pertama tidak berkaitan dengan kes ini.⁶

25

⁶ *Dato' Seri S Samy Vellu v. Penerbitan Sahabat (M) Sdn Bhd & Ors* [2005] 3 CLJ 440.

50. Defendan Kedua ialah sebuah Majlis Perbandaran dan bukanlah seorang individu. Oleh yang demikian, Defendan Kedua tidak boleh memuat naik gambar-gambar tersebut.⁷

5 51. Begitu juga dengan Defendan Ketiga yang merupakan sebuah Kerajaan Negeri. Defendan Ketiga bukanlah seorang individu yang boleh memuat naik gambar-gambar tersebut.⁸

10 52. Dalam kes ***Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee & Ors*** [2009] 1 MLJ 1, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa di dalam tuntutan tort terhadap kerajaan, (sebagaimana dalam kes ini) pegawai kerajaan yang bertanggungjawab terhadap tindakan tort yang didakwa mesti dijadikan pihak dan liabilitinya dibuktikan sebelum kerajaan menjadi bertanggungjawab secara vikarius sebagai prinsipal. Ia tidak mencukupi untuk semata-mata mengenal pasti pegawai tersebut tanpa menyertakan pegawai tersebut sebagai salah satu pihak kerana liabiliti mengikut keterangan perlu dibuktikan. Hanya setelah tuntutan yang berjaya terhadap pegawai secara peribadi, sesuatu tuntutan boleh dibuat terhadap kerajaan.

15

20

53. Mengguna pakai kes di atas, pihak Plaintif sewajarnya menamakan pegawai dan/atau pengkhidmat dan/atau ejen Defendan Pertama dan Defendan Kedua sebagai defendan atau defendan-defendan dalam kes ini.

25

⁷ *Anne Lim Keng See v. The New Straits Times Press (M) Bhd & Anor And Other Appeals* [2008] 6 CLJ 697.

⁸ *Ibid.*

54. Seterusnya, Plaintif perlu memplidkan bahawa pegawai/pengkhidmat/ejen tersebut telah memuatnaik gambar-gambar tersebut ke laman *facebook* Defendan Kedua atas arahan Defendan Kedua.

55. Walaupun peguam cara Plaintif-Plaintif dalam penghujahan bertulis mereka berhujah bahawa tuntutan Plaintif-Plaintif terhadap Defendan Pertama, Defendan Kedua dan Defendan Ketiga ialah secara *vicarious liability*, perkara itu tidak diplidkan dalam pernyataan tuntutan Plaintif.

56. Sekiranya diplidkan sekalipun, undang-undang adalah jelas bahawa prinsip *vicarious liability* sebenarnya tidak terpakai dalam kes fitnah. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas dalam kes ***RHB Bank Berhad v. Moon Trading Sdn Bhd*** [2014] 5 CLJ 443 di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

[27] With respect, the principle of vicarious liability has no place in the law of defamation. Recently, this court in *UG Hotel Property Sdn Bhd v. Chee Soo Lam & Anor* [2013] 2 MLJ 235, held that the trial court erred in holding that an employer was liable for defamatory statement made by his employee. Alizatul Khair, JCA writing for this court had this to say at p. 241 of the report:

In relation to the issue of defamation, it is clear the learned judge had attributed vicarious liability for the alleged defamation statement made by the respondent's employee (the said Michelle). In our view, the principle of vicarious liability has no application to the facts of this case. Under the law of defamation, only the person who published (the alleged defamatory statement) can be held liable. We therefore found the High Court Judge erred in holding the appellant liable for defamation.

57. Selanjutnya, dalam kes yang sama, Mahkamah Rayuan telah menggariskan 2 syarat sebelum seseorang majikan boleh didapati bertanggungjawab ke atas tort yang dilakukan oleh pekerjanya yang saya petik seperti berikut:

[29] It is trite law that an employer is vicariously liable for the tort committed by its employee in the course of employment. Two ingredients are required to establish the principle of vicarious liability. Firstly, there must be an "employee" and, secondly, that "employee" committed the tort "in the course of employment". And where the relationship is that of employer and employee, the first ingredient is easily satisfied. In regard to the second ingredient, the court will have to consider whether the connection between the employer-employee relationship and the tortious act is so close that it would be fair and just to impose liability on the employer (*Lister and Others v. Hesley Hall Ltd* [2001] ICR 665, HL). And this is called the "close connection" test. These two ingredients are certainly fact-sensitive.

58. Mengguna pakai kes di atas, jelas menunjukkan bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff memang tidak boleh dipertahankan lagi kerana individu yang melakukan fitnah tersebut tidak dinamakan sebagai satu pihak dalam tindakan ini.

5

59. Plaintiff-Plaintif juga tidak memplidkan berapa had jumlah tuntutan mereka.⁹ Ini akan menyukarkan pihak Defendan-Defendan untuk membincangkan penyelesaian (jika ada) dan menyukarkan Mahkamah untuk menentukan isu kos nanti.

10

RUMUSAN

60. Di akhir analisis, saya berpuas hati bahawa Writ dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff adalah defektif kerana tidak menamakan pegawai/pengkhidmat/ejen Defendan Pertama dan Defendan Kedua sebagai pihak dalam tindakan ini.

15

61. Sekiranya kes ini diteruskan dengan perbicaraan penuh, saya percaya Plaintiff-Plaintif tidak akan berjaya dalam tuntutannya kerana mereka telah menamakan pihak-pihak yang salah sebagai Defendan-Defendan dan pernyataan tuntutan yang defektif. Saya percaya, perbicaraan penuh hanya akan membazirkan kos dan masa Mahkamah dan pihak Defendan-Defendan.

25

⁹ Aturan 18 Kaedah 12, Aturan 18 Kaedah 15 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

- 5 62. Tuntutan-tuntutan Plaintiff-Plaintif terhadap Defendan Pertama, Defendan Kedua dan Defendan Ketiga secara vikarius juga tidak diplidkan dalam pernyataan tuntutan Plaintiff-Plaintif. Oleh yang demikian, tuntutan Plaintiff-Plaintif ke atas ketiga-tiga Defendan adalah tidak berasas.
- 10 63. Oleh yang demikian, sekiranya Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan ini masih dikekalkan, Mahkamah mendapati Writ dan Pernyataan Tuntutan tersebut tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh atau menyusahkan, menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan ini dengan adil atau suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.
- 15 64. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada alasan-alasan di atas sahaja permohonan Defendan-Defendan melalui Lampiran 14, 16 dan 18 ini dibenarkan dengan kos sebanyak RM10,000.00¹⁰ masing-masing.
- 20 65. Dengan ini Mahkamah memerintahkan bahawa Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan Plaintiff-Plaintif dibatalkan dengan kebebasan memfailkan semula terhadap pihak-pihak yang betul sekiranya Plaintiff-Plaintif masih berhasrat untuk meneruskan tuntutan mereka.

25

¹⁰ Aturan 59 Kaedah 22(1)(c) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

Bertarikh pada 5hb. Jun 2015

5

Haji Jamaludin bin Haji Mat

Hakim,

Mahkamah Sesyen 2,

Melaka.

10

15

20

25

Peguam cara Plaintiff-Plaintif:

**Tetuan Yusof Rahmat & Co.,
Peguam bela & Peguam cara,
No. 136/4, Tingkat 3,**

**5 Kompleks Munshi Abdullah,
Jalan Munshi Abdullah,
75100 Melaka.**

Peguam cara Defendan Pertama dan Kedua:

**10 Tetuan Mah-Kamariyah & Philip Koh,
Peguam bela & Peguam cara,
3407, Block B,
Phileo Damansara II,
15 Jalan 16/11, Off Jalan Damansara,
15 46350 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.**

Peguam cara Defendan Ketiga:

**Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka,
20 Aras 1, Blok Laksamana,
Seri Negeri Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, Peti Surat 280,
75450 Melaka.**

25

3187 words